



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: www.eaic.gov.my

PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

PENCEROBOHAN BOT-BOT PUKAT “KENKA” DI KUALA KURAU PERAK

Suruhanjaya ini telah menerima aduan oleh nelayan-nelayan dan persatuan nelayan-nelayan pantai terhadap kelemahan atau ketiadaan penguatkuasaan undang-undang atau peraturan pelesenan oleh Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Perikanan Malaysia terhadap pencerobohan bot-bot pukat tunda “kenka” di kawasan persisiran pantai di Kuala Kurau, Perak.

Bot-bot pukat “kenka” yang dilesenkan oleh Jabatan Perikanan bagi menjalankan aktiviti penangkapan ikan bagi kawasan perairan negara ke atas kawasan yang melebihi daripada lima (5) batu nautika dari pantai telah dikatakan secara berterusan menjalankan aktiviti penangkapan ikan dan hasil laut dalam lingkungan lima (5) batu nautika yang melanggar syarat-syarat pelesenan.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: www.eaic.gov.my

Penarikan pukot yang diikat pada dua bot “kenka” secara dilabuh ke dasar laut dan dinaikkan secara tarikan melalui dua bot “kenka” yang dipandu laju telah memerangkap pelbagai spesis ikan dengan menjadikan sasaran utama kepada ikan bawal lambak, senangin, udang, ketam dan anak-anak ikan. Aktiviti penangkapan ikan oleh bot-bot pukot “kenka” tersebut telah menjejaskan hasil tangkapan dan pendapatan nelayan-nelayan persisir pantai serta juga menghakis eko-sistem hidupan laut.

Di dalam tempoh bulan Januari 2012 hingga Oktober 2013 sejumlah 86 aduan telah dibuat kepada pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pengkalan Kuala Kurau, Perak bagi penguatkuasaan dan tindakan diambil terhadap masalah pencerobohan oleh bot-bot pukot “kenka” tersebut. Bagaimana pun tidak terdapat langkah-langkah atau penguatkuasaan undang-undang dan peraturan pelesenan diambil secara berkesan atau efektif oleh agensi penguatkuasaan terlibat.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: www.eaic.gov.my



Suruhanjaya mendapati perkara pengaduan tersebut mempunyai kepentingan yang signifikan kepada orang ramai dan bahawa ianya adalah demi kepentingan awam untuk penyiasatan penuh dilakukan bagi mendapatkan keterangan dan dapatan-dapatan berkaitan kelemahan atau ketiadaan penguatkuasaan undang-undang atau peraturan-peraturan pelesenan yang berkaitan bot-bot pukat "kenka" tersebut. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Perikanan Malaysia adalah di antara 21 buah agensi penguatkuasaan yang tergolong di bawah kawalselia oleh Suruhanjaya ini di bawah Akta Suruhanjaya Integriti 2009 [Akta 700].

Oleh itu selaras dengan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 31 dan dibaca bersama seksyen 28 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], Suruhanjaya memutuskan untuk suatu siasatan penuh diadakan terhadap pengaduan yang diterima itu. Saksi-saksi daripada persatuan nelayan pantai terlibat dan pegawai-pegawai dari agensi-agensi penguatkuasaan terlibat akan dipanggil bagi memberi keterangan bagi



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: www.eaic.gov.my

tujuan siasatan tersebut. Orang awam atau mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang berkaitan perkara tersebut adalah juga dijemput untuk memberikan maklumat-maklumat di laman sesawang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan di alamat **www.eaic.gov.my** atau di nombor talian aduan **03-8888 6618, 03-8888 6509, 03-8888 2184** atau secara e-mel ke **aduan@eaic.gov.my**.

-TAMAT-

INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH

Kamal Baharin bin Omar
Setiausaha
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

Bertarikh 27 November 2014